

SULIT



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1  
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : KAEDAH PENYELIDIKAN  
DALAM PENDIDIKAN  
SEKOLAH RENDAH  
KOD KURSUS : BBR 34203  
KOD PROGRAM : BBR  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016 / JANUARI 2017  
JANGKA MASA : 3 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN BELAS(18) MUKA SURAT


SULIT

## BAHAGIAN A

S1 Manakah antara berikut memberikan definisi penyelidikan paling tepat?

- A. Proses untuk mengemukakan jawapan kepada persoalan.
- B. Proses mengumpul data dengan pelbagai kaedah yang sesuai.
- C. Proses sistematik dalam mengumpul dan menganalisa maklumat untuk memahami sesuatu isu.
- D. Proses mengemukakan persoalan yang berkaitan dengan isu dan permasalahan.

S2 RAJAH S2 menunjukkan langkah-langkah dalam penyelidikan. Kenalpasti langkah-langkah yang sesuai bagi (I) dan (II).



RAJAH S2

(I)

- A. Mengenal pasti lokasi kajian
- B. Membuat liputan literatur
- C. Menjalankan kajian rintis
- D. Menguji hipotesis null dan alternatif

(II)

- Membuat laporan dan poster
- Menganalisis dan menginterpretasi data
- Menyebarkan hasil penyelidikan
- Membuat laporan penyelidikan

**TERBUKA**

**S3**

Dalam penyelidikan ini, penyelidik mengumpul maklumat tentang pelajar sekolah rendah di daerah Batu Pahat sahaja

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. batasan kajian
- B. skop kajian
- C. andaian kajian
- D. hipotesis kajian

**S4**

Apakah kepentingan etika penyelidikan dalam pendidikan?

- A. Membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat sesuka hati.
- B. Memberi peluang kepada penyelidik mendapatkan data dengan lebih cepat.
- C. membenarkan peserta penyelidikan mendedahkan maklumat kepada umum.
- D. Mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku yang mungkin menjejaskan kesahan dapatan kajian.

**S5**

Penyataan di bawah merupakan skop bagi sesuatu kajian yang dijalankan.


Pengaruh kepimpinan pengetua ke atas tahap kepuasan guru

Manakah di antara maklumat berikut paling sesuai ditanya kepada guru?

- A. Latar belakang pendidikan guru dan pengetua di sekolah tersebut.
- B. Jantina, latar belakang pendidikan, pendapatan dan kepimpinan guru.
- C. Tahap kepuasan guru terhadap kepimpinan pengetua tersebut.
- D. Tahap kesedaran dan tahap kepuasan guru tentang kepimpinan pengetua.

**TERBUKA**

- S6 Perkembangan sesuatu idea dalam penyelidikan dapat dilihat dalam RAJAH S6. Kenalpasti perkara-perkara yang sesuai bagi (I) dan (II).



RAJAH S6

(I)

- A. Tujuan kajian
- B. Hipotesis
- C. Batasan kajian
- D. Hipotesis

(II)

- Hipotesis
- Anggapan kajian
- Pembolehubah
- Teknik persampelan

- S7 Teori merupakan satu penjelasan atau sistem penghuraian yang membincangkan bagaimana sesuatu fenomena beroperasi. Dalam penyelidikan, kerangka teori merujuk kepada

- A. model kerangka yang belum diuji.
- B. teori-teori tersohor yang sudah sedia ada dan telah diuji.
- C. kerangka kajian yang berkaitan dengan prosedur kajian.
- D. kerangka yang menerangkan panduan dan halatuju kajian.

TERBUKA

- S8** Cikgu Hassan ingin mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pembelajaran koperatif. Beliau ingin membuat perbandingan antara pencapaian pelajar sekolah di Malaysia dengan sekolah-sekolah yang telah mengaplikasikan pembelajaran koperatif di Singapura dan Australia. Di manakah lokasi yang paling tepat untuk mendapatkan maklumat tersebut?
- A. Jabatan Pendidikan Negeri.  
 B. Google scholar sejak lima tahun yang lalu.  
 C. Tesis pelajar yang berkaitan sejak lima tahun yang lalu.  
 D. Artikel dari jurnal penyelidikan sejak sepuluh tahun yang lalu.
- S9** Satu kajian dijalankan untuk menentukan kesan dua kaedah pembelajaran koperatif (Kaedah X dan Kaedah Y) ke atas pencapaian akademik murid. Manakah pembolehubah bersandar dan manakah pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini?
- | Pembolehubah bersandar     | Pembolehubah tidak bersandar |
|----------------------------|------------------------------|
| A. Kaedah Y                | Kaedah X                     |
| B. Markah pencapaian murid | Kaedah X dan Y               |
| C. Markah pencapaian murid | Kaedah Y                     |
| D. Kaedah X                | Kaedah Y                     |
- S10** Seseorang penyelidik yang ingin memulakan sesuatu penyelidikan boleh merujuk kepada beberapa sumber masalah seperti di bawah kecuali
- A. teori sedia ada yang belum diuji.  
 B. hasil tinjauan kajian Dr. Siva.  
 C. pendapat seseorang penulis di akhbar.  
 D. pengalaman penyelidik itu sendiri.
- S11** Berikut merupakan ciri-ciri cadangan penyelidikan yang menepati keperluan penyelidikan kecuali
- A. penyelidikan dalam bidang tersebut tidak banyak dijalankan.  
 B. terdapat isu-isu sensitif seperti isu yang menyentuh akidah atau emosi kaum.  
 C. tiada penyelidikan yang menggunakan sampel di sesebuah lokasi.  
 D. terdapat percanggahan dalam dapatan penyelidikan-penyelidikan lalu.
- S12** Apakah keperluan membuat kajian literatur?
- A. Mengetahui sejauhmana pengetahuan tentang bidang kajian.  
 B. Membantu pengetahuan am berkaitan kajian yang dijalankan.  
 C. Memastikan senarai rujukan mencukupi.  
 D. Menjamin penulisan yang dibuat mencukupi.

- S13** **RAJAH S13** menunjukkan contoh borang kebenaran bagi kanak-kanak bawah umur melibatkan diri sebagai peserta dalam penyelidikan. Borang ini digunakan memerlukan persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga untuk menyertai sesuatu penyelidikan.

<b>BORANG KEBENARAN IBU BAPA</b>	
Kepada:	Shireena Basree bt Abdul Rahman
Perkara:	<b>PERSETUJUAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENYELIDIKAN</b>
	Dengan ini saya ingin memaklumkan bahawa saya,
	<input type="checkbox"/> Bersetuju
	<input type="checkbox"/> Tidak bersetuju
	anak saya..... dari kelas..... untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan Pelaksanaan Program Satu Murid Satu Sukan di Sekolah Rendah
Ibu bapa/ Penjaga:	Nama: .....
	Tandatangan: .....
	Tarikh/ No Tel: .....

**RAJAH S13**

Ibu bapa atau penjaga peserta mestilah


- membenarkan individu di bawah jagaannya dilibatkan dalam penyelidikan tersebut.
  - bersetuju sepenuhnya untuk individu di bawah jagaannya didedahkan kepada kesakitan samada fizikal, mental atau emosi.
  - dimaklumkan sebelum penyelidikan dijalankan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela.
  - diberi penerangan menyeluruh tentang risiko yang menimpa mereka selepas penyelidikan dijalankan.
- S14** Laporan penyelidikan yang asal dan asli serta merupakan hasil idea dan dapatan penyelidik dikenali sebagai
- jurnal penyelidikan
  - sumber primer
  - sumber skunder
  - sumber rujukan am

**TERBUKA**

S15 Bab metodologi dalam tesis biasanya mengandungi

- A. sorotan kajian dan hipotesis.
- B. rekabentuk penyelidikan, sampel, dan prosedur analisis data.
- C. definisi terminologi, sorotan kajian dan prosedur analisis data.
- D. rekabentuk penyelidikan dan sorotan kajian.

S16 RAJAH S16 menunjukkan perbezaan antara pembolehubah A dan pembolehubah B. Apakah pembolehubah A dan B?



RAJAH S16

(A)

(B)

- |                             |                         |
|-----------------------------|-------------------------|
| A. Pembolehubah kuantitatif | Pembolehubah kualitatif |
| B. Pembolehubah kuantiti    | Pembolehubah kualitatif |
| C. Pembolehubah kuantitatif | Pembolehubah kreatif    |
| D. Pembolehubah kuantitatif | Pembolehubah kualiti    |

S17

Penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena atau tingkahlaku manusia dengan mengenal pasti hubungan antara pembolehubah yang telah dikenal pasti.

Penyataan di atas berkaitan dengan salah satu jenis reka bentuk penyelidikan. Apakah reka bentuk penyelidikan tersebut?

- A. Penyelidikan tinjauan
- B. Penyelidikan korelasi
- C. Penyelidikan kuasi-eksperimen
- D. Penyelidikan eksperimen

**TERBUKA**

- S18** **JADUAL S18** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimen. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di I?

**JADUAL S18**

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimen
I	Apakah pendapat responden tentang penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi awam dalam politik?	Apakah kualiti kehidupan kampus pelajar universiti A sebelum rawatan?

- A. Perbezaan kumpulan  
 B. Deskriptif  
 C. Hubungan  
 D. Jangkaan
- S19** **JADUAL S19** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimen. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di II?

**JADUAL S19**

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimen
II	Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara latar belakang pendidikan dan persepsi terhadap pemakaian baju kurung putih dalam kalangan pelajar sekolah?	Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara latar belakang pendidikan dan persepsi terhadap pemakaian baju kurung putih di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?

- A. Perbezaan kumpulan  
 B. Deskriptif  
 C. Hubungan  
 D. Jangkaan

**TERBUKA**



- S20** **JADUAL S20** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimen. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di III?

JADUAL S20

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimen
III	Adakah wujud perbezaan yang signifikan berhubung pendapat tentang baju kurung pelajar masa kini antara pelajar di sekolah bandar dan luar bandar?	Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kualiti kehidupan kampus pelajar universiti A antara pelajar yang menghadiri program kerja berpasukan dan yang tidak menghadiri program tersebut?

- A. Perbezaan kumpulan  
 B. Deskriptif  
 C. Hubungan  
 D. Jangkaan
- S21** Pengukuran data kajian bermaksud mengukur
- A. sampel kajian  
 B. ralat persampelan  
 C. kesahan instrumen  
 D. pembolehubah kajian
- S22** Manakah antara sampel kajian berikut adalah lebih sesuai kepada kajian tentang kesan permakanan ke atas 1500 murid tahun satu di sebuah bandar?
- A. 1500 murid tahun satu daripada semua sekolah.  
 B. 1500 murid tahun satu daripada beberapa buah sekolah.  
 C. 150 murid tahun satu daripada lima buah sekolah berbeza.  
 D. 150 murid tahun satu daripada sebuah sekolah.
- S23** Pensampelan bertujuan ialah
- A. melibatkan pertimbangan individu memilih sampel berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidik.  
 B. pemilihan dilakukan berdasarkan ahli sampel mudah diakses, pengetahuan dan tujuan khusus penyelidik.  
 C. pemilihan sampel dibuat berdasarkan kes-kes kritikal yang menonjolkan sesuatu perkara yang penting.  
 D. pensampelan dibuat berdasarkan tahap variasi maksimum dan minimum sesuatu kumpulan populasi.

**TERBUKA**

S24

Satu ujian Matematik Tahun Enam yang mempunyai item-item ujian yang meliputi kesemua topik yang tersenarai dalam sukatan pelajaran Matematik Tahun Enam.

Penyataan di atas berkaitan dengan salah satu jenis kesahan dalam penyelidikan. Apakah jenis kesahan penyelidikan tersebut?

- A. Kesahan kandungan
- B. Kesahan luaran
- C. Kesahan dalaman
- D. Kesahan konstruk

S25

Apakah faktor sosial yang menyebabkan pelajar sekolah rendah mengulangi perbuatan ponteng sekolah?

Berdasarkan persoalan kajian di atas, apakah populasi yang paling sesuai bagi menjawab persoalan kajian yang dinyatakan?

- A. Semua pelajar sekolah rendah.
- B. Semua guru kelas sekolah rendah.
- C. Semua guru penolong kanan hal ehwal pelajar sekolah rendah.
- D. Semua pelajar sekolah rendah yang mengulangi perbuatan ponteng sekolah.

S26

Mengikut Fraenkel dan Wallen (2006) populasi capaian boleh menggantikan populasi sasaran atas justifikasi

- A. populasi sasaran adalah pilihan yang ideal dan populasi capaian adalah pilihan realistik.
- B. populasi sasaran adalah pilihan yang realistik dan populasi capaian adalah pilihan ideal.
- C. populasi sasaran adalah pilihan umum dan populasi capaian adalah pilihan khusus.
- D. populasi capaian adalah pilihan umum dan populasi sasaran adalah pilihan khusus.

**TERBUKA**

- S27 Sampel kajian tentang corak kehidupan kanak-kanak sekolah rendah yang cemerlang ko-kurikulum tetapi lemah akademik lebih sesuai dipilih melalui metodologi kajian
- A. pemerhatian
  - B. kuantitatif
  - C. kualitatif
  - D. eksperimen
- S28 Apakah kepentingan pengetahuan awal tentang data analisis sebelum penyelidikan sebenar dijalankan?
- A. Memudahkan analisis.
  - B. Tidak banyak membantu sebenarnya.
  - C. Untuk memudahkan belajar analisis SPSS.
  - D. Untuk memudahkan menganalisis data selepas pemungutan data selesai dan supaya perkara yang penting tidak tertinggal semasa pemungutan data.
- S29 Terdapat empat jenis teknik untuk menganalisis data kajian. Manakah antara berikut menerangkan empat jenis teknik tersebut?
- A. Kaitan, meramalkan, merawakkan dan pengelompokkan
  - B. Kaitan, meramalkan, membezakan dan pengelompokkan (*clustering*)
  - C. Hubungan, membezakan, meramalkan dan kumpulan
  - D. Hubungan, kumpulan, meramalkan dan perawakan

A red rectangular stamp with a double border, containing the word "TERBUKA" in bold, uppercase letters.

- S30** **JADUAL S30** menunjukkan data dari Pusat Pemulihan Vokasional di Universiti yang berminat mempelajari sama ada wujud perbezaan di antara kumpulan rawatannya setelah diberikan ujian penilaian. Datanya adalah seperti berikut

**JADUAL S30**

<u>Kumpulan I</u>	<u>Kumpulan II</u>	<u>Kumpulan III</u>
60	32	63
42	45	45
46	56	67
72	49	68
61	50	69
46		70
		56

Analisis yang sesuai dijalankan ialah

- A. Ujian t  
 B. Ujian ANOVA  
 C. Ujian Krukall Wallis  
 D. Ujian *Chi square* ( $\chi^2$ )
- S31** Berdasarkan **S30**, apakah hipotesis nul yang sesuai?
- A.  $H_0: U1 \neq U2 \neq U3$   
 B.  $H_0: U1 = U2 = U3$   
 C.  $H_0: U1 \geq U2 \geq U3$   
 D.  $H_0: U1 \leq U2 \leq U3$
- S32** Kaedah terbaik untuk menghasilkan kejelasan dalam melaporkan hasil penyelidikan adalah dengan merancang perbincangan
- A. mengikut data yang dipungut.  
 B. mengikut bagaimana datanya dianalisis.  
 C. mengikut hipotesis yang mengarahkan penyelidikan.  
 D. dengan menunjukkan hasil penyelidikan yang signifikan terdahulu.
- S33** Lampiran adalah tempat yang sesuai dalam tesis bagi memasukkan
- A. sorotan literatur dan reka bentuk kajian.  
 B. teknik persampelan untuk memilih subjek.  
 C. salinan instrumen untuk pemungutan data yang digunakan dalam kajian.  
 D. keputusan ujian bagi hipotesis nol dan alternatif.

- S34** Jenis pembolehubah dalam penyelidikan ialah
- I. bersandar
  - II. tidak bersandar
  - III. luaran
  - IV. moderator
  - V. Intervensi
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, II dan V sahaja
  - D. I, II, III, IV dan V
- S35** Terdapat dua jenis populasi iaitu
- I. sasaran
  - II. sebahagian
  - III. capaian
  - IV. majoriti
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. II dan IV sahaja
- S36** Manakah antara pernyataan berikut merupakan justifikasi sampel kajian menggantikan populasi kajian?
- I. Memastikan objektif kajian tercapai.
  - II. Menjimatkan kos penyelidikan.
  - III. Memberi jawapan yang tepat kepada soalan kajian.
  - IV. Menjimatkan masa untuk menyiapkan kajian.
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan III sahaja
  - C. I dan IV sahaja
  - D. II dan IV sahaja

**TERBUKA**

- S37 Saiz sampel yang tepat dalam kajian kualitatif ditentukan melalui
- I. ralat persampelan
  - II. aras kesahan
  - III. aras kebolehpercayaan
  - IV. populasi
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan III sahaja
  - C. I,II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S38 Instrumen kajian yang dihasilkan sendiri oleh pengkaji perlu ada keterangan terperinci tentang
- I. kaedah pembangunan instrumen.
  - II. kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.
  - III. prosedur pentadbiran instrumen.
  - IV. tafsiran data yang diperoleh daripada instrumen.
- A. I,II dan III sahaja
  - B. II, dan III sahaja
  - C. II, III dan IV sahaja
  - D. I, II, III dan IV
- S39 Sesuatu abstrak dianggap lengkap sekiranya mengandungi komponen berikut
- I. latar belakang penyelidikan
  - II. tujuan penyelidikan
  - III. metodologi penyelidikan
  - IV. keputusan analisis data
  - V. kesimpulan penyelidikan
- A. I,II dan III sahaja
  - B. II, III dan IV sahaja
  - C. II, III, IV dan V sahaja
  - D. I, II, III, IV dan V

**TERBUKA**

**S40** Cadangan penyelidikan yang lengkap dan komprehensif perlu merangkumi perkara penting iaitu

- I. abstrak
- II. pengenalan
- III. metodologi penyelidikan
- IV. kajian literatur
- V. perbincangan dapatan kajian

- A. II, III, IV dan V sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. I, II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III, IV dan V

**TERBUKA**

**BAHAGIAN B**

**S41** (a) Secara amnya, pelaksanaan sesuatu penyelidikan adalah bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan. Terangkan tiga (3) kepentingan pelaksanaan penyelidikan.

(6 markah)

(b) Bincangkan kriteria-kriteria penyelidikan yang berkualiti.

(6 markah)

(c) Menurut McMillan (1996) dan Postletwaite (2005) sesuatu penyelidikan dapat diklasifikasikan dalam mana-mana jenis penyelidikan yang berikut:

- (i) Penyelidikan asas
- (ii) Penyelidikan gunaan
- (iii) Penyelidikan penilaian
- (iv) Penyelidikan tindakan

Terangkan tujuan bagi setiap jenis penyelidikan yang dinyatakan di atas dan cadangkan satu kajian pendidikan yang sesuai bagi setiap jenis penyelidikan tersebut.

(8 markah)

**S42** (a) Tujuan penyelidikan dijalankan adalah untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti. Terangkan bagaimanakah seseorang penyelidik dapat menentukan sama ada wajar atau tidak untuk melaksanakan sesuatu penyelidikan yang dicadangkan itu?

(5 markah)

(b) Etika penyelidikan merujuk kepada satu prosedur atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian. Sebagai seorang penyelidik, bincangkan bagaimanakah anda mematuhi etika semasa menjalankan penyelidikan?

(5 markah)

**TERBUKA**



- (c) Seorang penyelidik dalam pendidikan ingin menjalankan kajian yang bertajuk seperti berikut:

**Tajuk kajian:**  
Kesan stail pemikiran ke atas pencapaian akademik murid sekolah rendah.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh penyelidik dalam membuat ulasan literatur bagi kajian ini.

(10 markah)

- S43 (a) Secara umum, pendekatan penyelidikan terbahagi kepada dua iaitu kuantitatif dan kualitatif. Bincangkan perbezaan antara reka bentuk kajian kuantitatif dan kualitatif dari aspek tujuan kajian, sampel kajian, data kajian, dan kaedah analisis data.

(8 markah)

- (b) Penyataan di bawah menunjukkan salah satu perancangan penambahbaikan kualiti pendidikan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (2013-2025).

Memfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia merupakan salah satu anjakan yang dinyatakan dalam PPPM untuk mentransformasi sistem pendidikan negara. Anjakan ini perlu dilaksanakan disebabkan kajian Kementerian pada tahun 2010 mendapati penggunaan ICT di sekolah masih tidak mencapai tahap yang memuaskan. Anda telah dilantik menganggotai satu jawatankuasa yang telah dibentuk untuk mengkaji penggunaan ICT di peringkat sekolah rendah. Sehubungan itu, satu penyelidikan perlu dirancang untuk memberi input kepada pelaksana tentang masalah-masalah atau cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan ICT di peringkat sekolah.

TERBUKA

- (i) Berdasarkan pernyataan di atas, cadangkan satu reka bentuk kajian yang bersesuaian dan berikan justifikasi terhadap pemilihan reka bentuk kajian yang dicadangkan.  
(4 markah)
- (ii) Nyatakan secara ringkas perancangan berkaitan sampel kajian, teknik pengumpulan data, instrumen kajian dan kaedah analisis data bagi mencapai matlamat kajian.  
(8 markah)

- SOALAN TAMAT -

**TERBUKA**